



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 8 NOVEMBER 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

38,500 liter diesel bernilai RM1 juta dirampas

SETIU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu merampas 38,500 liter diesel dalam Ops Gempur di tapak Projek Pemuliharaan Muara Sungai Setiu di Kampung Mangkuk di sini, semalam.

Pengarahnya, Saharudin Mohd. Kja berkata, hasil pemeriksaan, sebanyak 23,000 liter diesel ditemukan di dalam lori tangki dan 15,000 liter lagi di dalam tangki skid yang melanggar syarat permit di tapak projek berkenaan.

Menurutnya, nilai keseluruhan diesel dirampas adalah RM982,035.

Katanya, serbuan pukul 6 petang itu melibatkan 12 pegawai penguat kuasa KPDN dan 11 pegawai polis berdasarkan risikan selama dua minggu.

“Pemeriksaan lanjut mendapati syarikat terbabit yang mengendalikan projek di tapak tersebut mempunyai permit yang sah daripada pengawal bekalan untuk menyimpan minyak diesel.

“Namun, hasil semakan permit berkenaan mendapati tempat simpanan diesel itu bukan beralamat di lokasi kejadian.

“Siasatan mendapati syarikat itu hanya dibenarkan mempunyai bekalan sebanyak 18,000 liter diesel pada satu-satu masa,” katanya ketika ditemui di Tapak Projek Pemuliharaan Muara Sungai Setiu di Kampung Mangkuk di sini.

Pemegang permit disyaki telah memindahkan barang kawalan itu dari tempat yang dilesenkan kepada lokasi tidak berlesen tanpa kebenaran pengawal bekalan.

Selain itu, pemegang permit juga disyaki mempunyai milikan minyak diesel yang melebihi had kuantiti yang dibenarkan.

Susulan itu, dua lelaki warga tempatan iaitu pengurus tapak projek dan pemandu berusia 35 dan 36 tahun telah ditanah bagi membantu siasatan.

Tepi sungai seludup diesel subsidi

SETIU – Tindakan sebuah syarikat kontraktor menyimpan bekalan 38,500 liter minyak diesel di pusat penyimpanan tidak diisyiharkan membawa padah apabila bahan api itu dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di Kampung Mangkuk di sini semalam.

Serbuan di tapak projek pemuliharaan muara Sungai Setiu itu berjaya merampas bekalan minyak diesel, dua lori tangki dan dua tangki septik bernilai keseluruhan RM982,035.

Pengarah KPDN Terengganu, Saharuddin Mohd. Kia berkata, serbuan yang turut dibantu Polis Diraja Malaysia tersebut berjaya menjumpai 23,000 liter minyak diesel di dalam dua lori tangki berkenaan manakala tangki septik terbabit pula mengandungi 15,000 liter bahan api sama.

"Risikan selama dua minggu mengesyaki syarikat terbabit menyimpan bekalan minyak diesel melebihi had dibenarkan iaitu 18,000 liter diesel pada satu-satu masa.



SAHARUDDIN (kanan) memeriksa dua lori tangki menyimpan minyak diesel mencurigakan di tapak projek pemuliharaan muara Sungai Setiu, Kampung Mangkuk, Setiu semalam.

"Pemegang permit juga disyaki telah memindahkan barang kawalan tersebut ke lokasi tidak dilesenkan untuk penyimpanan tanpa kebenaran Pengawal Bekalan," katanya ketika ditemui di lokasi serbuan di Kampung Mangkuk di sini semalam.

Saharuddin berkata, dua lelaki berusia 35 dan 36 tahun yang me-

rupukan pengurus dan pemandu tapak projek berkenaan telah ditahan bagi membantu siasatan.

Tambah beliau, siasatan sedang dijalankan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Ini merupakan rampasan penyalahgunaan minyak diesel kelima di Terengganu sejak awal tahun ini," katanya.

Permit sah alamat lain

Setiu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu merampas 38,500 liter diesel di sebuah tapak Projek Pemuliharaan Muara Sungai Setiu, Kampung Mangkuk di sini, kelmarin.

Dalam serbuan kira-kira jam 6 petang itu, KPDN turut merampas dua lori dan dua tangki skid membabitkan rampasan keseluruhan dianggarkan bernilai RM982,035.

Pengarah KPDN Terengganu Saharuddin Mohd Kia berkata, serbuan itu dilakukan oleh 12 pegawai penguat kuasa agensi itu bersama 11 pegawai dan anggota polis hasil risikan yang dilakukan selama dua minggu.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut mendapati pihak syarikat yang mengendalikan projek berkenaan mempunyai permit yang sah daripada peng-

awal bekalan untuk menyimpan diesel terbabit.

Bagaimanapun, katanya, hasil semakan pada permit berkenaan mendapati tempat simpanan yang tertera pada permit itu bukan beralamat di lokasi itu.

“Pemegang permit disyaki memindahkan barang kawalan dari satu tempat yang dilesenkan ke suatu tempat yang tidak berlesen atau diluluskan oleh pengawal bekalan.

“Pemegang permit berkenaan turut disyaki mempunyai dalam milikan diesel yang melebihi daripada had kuantiti yang dibenarkan dalam permit.

“Dianggarkan ada kira-kira 23,000 liter diesel berada dalam lori tangki dan 15,500 liter minyak diesel lagi dalam kedua tangki skid yang ditempatkan di tapak projek berkenaan,” katanya dalam satu kenyataan.

Warga asing dalang jual minyak masak peket



Penguat kuasa KPDN menemui beberapa kotak mengandungi minyak masak peket dalam serbuan di Kampung Pengkalan Rama Pantai.

MELAKA - Seorang lelaki warga asing disyaki menjadi dalang penyeludupan dan pengedaran minyak masak peket di sekitar negeri ini dicekup dalam satu serbuan di sebuah kedai sayur di Batu Berendam di sini pada Khamis.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka, Norena Jaafar berkata, hasil risikan dilakukan sejak sebulan lalu berjaya menahan suspek warga Bangladesh berusia 40-an yang bersembunyi di sebalik pekerjaan sebagai penjual sayur.

Menurutnya, suspek memasuki negara ini menggunakan permit sebagai pekerja pembersihan dan dipercayai menjadi dalang menjual minyak masak peket sejak dua tahun lalu terutama di sekitar rumah kongsi.

Katanya, susulan tangkapan itu, KPDN menemukan 80 minyak masak peket disorok di rumah kongsi di Krubong selain merampas 459 kilogram (kg) barang sama di sebuah rumah di Malim dan Pengkalan Rama Pantai.

"Dalam serbuan di empat lokasi berasingan, kita menjumpai 560 peket atau 560kg minyak masak bernilai RM1,533.40.

"Dalang kegiatan ini dipercayai mendapat bekalan daripada pemborong sebelum bertindak ke kedai runcit atau peniaga makanan dan menjual antara lima hingga 10 kotak bersamaan 85 hingga 170 peket," katanya dalam Ops Bersepadu Kita Gempur di Kampung Pengkalan Rama Pantai pada Khamis.

Simpan diesel di lokasi tidak sah

KPDN rampas 38,500 liter bahan bakar tersebut di Tapak Projek Pemuliharaan Muara Sungai Setia

Oleh NORHASPIDA YATIM
SETIU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) Terengganu merampas sebanyak 38,500 liter minyak diesel yang disimpan di lokasi tidak sah dalam serbuan di sebuah tapak projek pemuliharaan muara sungai di sini pada Rabu.

Pengarah KPDN Terengganu, Saharuddin Mohd Kia berkata, serbuan menerusi Ops Gempur itu dijalankan oleh 12 pegawai penguat kuasa KPDN bersama 11 pegawai polis hasil risikan dilakukan selama dua minggu.

"Pemeriksaan mendapati syarikat yang mengendalikan projek di tapak itu

mempunyai permit sah daripada pengawal bekalan untuk menyimpan minyak diesel, namun hasil semakan pada permit berkenaan mendapat tempat simpanan bukan beralamat di lokasi tersebut.


"Pemegang permit disyaki telah memindahkan barang kawalan itu dari tempat yang dilesenkan kepada tempat tidak berlesen tanpa kebenaran oleh pengawal," katanya ketika ditemui di Tapak Projek Pemuliharaan Muara Sungai Setiu di Kampung Mangkuk di sini pada Khamis.

Dalam pada itu, Saharuddin berkata, pihaknya turut merampas dua buah lori dan dua buah tangki skid dengan nilai keseluruhan.

Katanya, pemegang permit juga disyaki mempunyai pemilikan minyak diesel melebihi had kuantiti yang dibenarkan.

"Dianggarkan terdapat kira-kira 23,000 liter minyak diesel ditemukan dalam lori tangki dan 15,000 liter minyak diesel lagi di dalam tangki skid di tapak projek berkenaan.

"Permit milik syarikat ini hanya membenarkan mereka memiliki bekalan sebanyak 18,000 liter diesel dalam satu-satu masa," katanya.



Saharuddin (tengah) bersama anggota KPDN Terengganu melihat barang rampasan dalam serbuan di tapak projek pemuliharaan muara sungai di Setiu.

Beliau berkata, rampasan diesel tersebut adalah kali kelima di Terengganu pada tahun ini dan kes tersebut disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Kita turut menahan dua lelaki warga tempatan iaitu pengurus tapak projek dan pemandu yang berusia 35 dan 36 tahun untuk siasatan lanjut," katanya.

Oleh Mahaizura
 Abd Malik
 mahaizura@mediapri-
 ma.com.my

Kuala Lumpur

Sejumlah RM571.5 juta penalti kewangan dikenakan terhadap 107 syarikat kerana terbabit dalam kartel manakala dua lagi syarikat monopoli yang menyalahgunakan kedudukan mereka.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup (KPDN) Datuk Arminzam Ali berkata, jumlah itu direkodkan hasil daripada pengukuhan amalan anti-persaingan yang dilaksanakan kementeriannya menerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sepanjang tempoh sembilan tahun lalu.

Katanya, pada 2015 MyCC berjaya menumpaskan kartel pengeluaran ais terdiri dari Kuala Perlis dan Langkawi pada 2021.

CEGAH BUDAYA KARTEL

Berpakat tetapkan harga: 107 syarikat kena denda

layah Persekutuan dan Putrajaya yang didapat menetapkan harga produk ais dan mengenakan RM252,250 penalti.

"Pada tahun sama, MyCC juga menumpaskan kartel pengeluar roti dan manisan Sibu yang terdiri daripada 14 syarikat kerana menetapkan harga produk itu dan jumlah penalti dikenakan ialah RM247,730.

"Selain itu, MyCC juga menumpaskan kartel yang terdiri dari lima syarikat yang menjalankan perkhidmatan feri di antara Kuala Perlis dan Langkawi pada 2021.

Perkhidmatan ini membolehkan pengangkutan produk termasuk bahan makanan diantar ke Langkawi. Mereka dikenakan penalti kewangan sebanyak RM2.19 juta.

"Pada Disember 2023 pula, MyCC mengenakan penalti kewangan RM415.5 juta terhadap lima pengeluar makanan ayam kerana terbabit dalam kartel penetapan kuantum kenaikan harga makanan ayam," katanya

dalam jawapan bertulis di laman web Parlimen Malaysia.

Beliau menjawab pertanyaan **Muhammad Ismi Mat Taib (PN-Parit)** mengenai usaha diambil KPDN bagi menghapuskan kartel dalam sektor bahan makanan bagi menggalakkan persaingan dan membasi kegiatan kaut keuntungan melampaui pasti (*profiteering*).

Dalam memperkasakan

lagi usaha memerangi kartel sektor bahan makanan, Armizam berkata, MyCC menjalankan kajian am bertujuan mengkaji struktur pasaran dan amalan perniagaan industri padi dan beras negara secara menyeluruh bagi mengenal pasti sebarang potensi isu persaingan.

"Kajian am ini juga sebahagian pendekatan *whole of nation* KPDN bagi membantu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk membentuk polisi baharu bagi industri padi dan beras negara dan dapatkan

kajian ini telah pun dikemukakan kepada KPBM.

"Atas arahan Majlis Tin-dakan Ekonomi Negara (MTEN), MyCC juga sedang menjalankan kajian terhadap *Approved Permit* (AP) dan *Import Permit* (IP) dalam pengimportan barang makanan iaitu bwang, daing dan kelapa.

"Pada masa ini, MyCC sedang giat menjalankan sesi libat urus bersama agensi kerajaan dan pemain industri yang berkaitan dan dapatkan kajian ini dijangka dibentangkan kepada MTEN sebelum akhir tahun ini," katanya.



JANGKA masa ternakan latok adalah antara 45 hingga 60 hari.

Sungai Petani: Bukan hanya wujud di perairan Sabah sebaliknya rumput laut latok kini ditamakan secara komersil Pulau Sayak, Kota Kuala Muda di sini.

Khasiat rumput laut latok yang baik untuk kesihatan mampu menjadikan tumbuhan aquatik ini dikomersilkan menjadi produk hiliran termasuk produk kesihatan dan kecantikan kultit.

Pengarah Institut Penyelidikan Perikanan Pulau Sayak, Mohammad Suhaimee Abdul Manaf berkata, pihaknya kini giat menjalankan aktiviti penyelidikan dan ternakan latok sejak 2019 bermula di Langkawi dan terkini dipindahkan ke Pulau Sayak, Kota Kuala Muda di sini menggunakan pelbagai kaedah penyemaian.

Katanya, pada Mac lalu, pihaknya berjaya menuai 300 kilogram latok atau turut dikenali sebagai 'anggur laut' dan tuaian kelmarin dianggarkan seberat



KAKITANGAN menunjukkan ternakan latok di kolam Institut Penyelidikan Perikanan Pulau Sayak, Kuala Muda.

daripada industri akuakultur di mana ia ditamakan dalam skala besar untuk tujuan komersial dan pasaran eksport ke Jepun, Taiwan, China dan sebagainya," katanya pada Majlis Penuaan Latok di Institut Penyelidikan Perikanan Pulau Sayak Kuala Muda di sini, semalam.

Hadir merasmikan majlis itu adalah Penggarah Kanan Penyelidikan, Institut Penyelidikan Perikanan, Jabatan Perikanan Malaysia, Dr Azhar Hamzah.

Mengulas lanjut, Mohammad Suhaimee berkata, usaha untuk menanam anggur laut secara komer-

“**Kita berharap ramai lagi nelayan pantai berminat menanam latok**
Suhaimee



DR Azhar dan Suhaimee (depan) menunjukkan tuaian latok di kolam Institut Penyelidikan Perikanan Pulau Sayak, Kuala Muda.

"Kita juga berharap ramai lagi nelayan pantai berminat menanam latok untuk jana pendapatan sampingan mereka, benih latok ini akan disediakan dengan tujuh lagi rakan strategik (syarikat) dari Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor.

"Sekarang kita ada dua rakan strategik dari Pulau Pinang dan Selangor,

Kita akan lagi kerjasama dengan tujuh lagi rakan strategik (syarikat) dari Ke-

dah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor.

98 peratus struktur latok adalah air, ternakan berSkala besar diperlukan untuk memenuhi permintaan terhadap serbuk latok bagi kegunaan produk hiliran. Latok semulai ini selain bersih, ia juga kurang hanyir berbanding latok liar," katanya.

"Memandangkan hampir

KPDN rampas 38,500 liter diesel disimpan di lokasi tidak berlesen

BANDAR PERMAISURI: Sebanyak 38,500 liter minyak diesel untuk kegunaan Projek Pemuliharaan Muara Sungai Setiu, Kampung Mangkuk di sini yang disimpan di lokasi tidak sah dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Terengganu, petang kelmarin.

Pengarahnya Saharuddin Mohd Kia berkata, rampasan dilakukan 12 penguat kuasa KPDN dan 11 anggota polis kerana pihak syarikat yang menjalankan projek itu gagal mematuhi peraturan lokasi penyimpanan bahan bakar berkenaan seperti yang termaktub dalam permit.

“Walaupun memiliki permit yang sah daripada Pengawal Bekalan untuk menyimpan diesel, syarikat disyaki telah memindahkan barang kawalan dari tempat

yang dilesenkan iaitu dari tapak projek ke lokasi yang tidak berlesen atau diluluskan Pengawal Bekalan, kira-kira satu kilometer,” katanya pada sidang media di sini semalam.

Beliau berkata, lokasi penyimpanan diesel memerlukan permit bagi mengelak kebakaran atau letupan dan pelbagai pihak terlibat dalam meluluskan permit terbabit termasuk naziran oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi memastikan pematuhan terhadap spesifikasi penyimpanan.

“Sebab itu kita nasihatkan kepada mana-mana pihak terlibat seperti kontraktor misalnya untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan. Kita faham ini projek kerajaan tetapi tetap kena patuhi peraturan demi keselamatan,” katanya.

Saharuddin berkata, syarikat itu juga disyaki mempunyai jumlah minyak diesel melebihi had kuantiti yang dibenarkan dalam permit iaitu 18,000 liter.

Beliau berkata selain diesel, pihaknya turut merampas dua lori dan dua tangki skid dengan nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM982,035 manakala pengurus projek dan pemandu lori berumur 35 dan 36 tahun ditahan bagi membantu siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

“Jika disabitkan, boleh didenda tidak lebih RM1 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala bagi syarikat boleh didenda tidak lebih RM2 juta dan bagi kesalahan berikutnya tidak lebih RM5 juta,” katanya. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

HARI: JUMAATTARIKH: 8/11/2024M/SURAT: 7

107 syarikat terbabit kartel kena penalti sejak 2015

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengenakan penalti kewangan sebanyak RM571.5 juta terhadap 107 syarikat kerana terbabit dalam kartel sejak 2015.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Datuk Armizan Ali, berkata penalti itu turut dikenakan terhadap dua lagi syarikat monopoli yang menyatakan mereka.

"Jumlah itu direkodkan hasil daripada penguatkuasaan amalan antipersaingan yang dilaksanakan kementerian menerusi MyCC sepanjang tempoh sembilan tahun lalu.

"Pada 2015, MyCC berjaya me-

numpaskan kartel pengeluaran ais yang terdiri daripada 24 pemain di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya yang didapati menetapkan harga produk ais dan mengenakan RM252,250 penalti," katanya melalui jawapan bertulis yang disiarkan di laman web Parliment.

Beliau menjawab pertanyaan Muhammad Ismi Mat Taib (PN-Parit) mengenai usaha diam-bil KPDN bagi menghapuskan kartel dalam sektor bahan makanan bagi menggalakkan persaingan dan membasmikan kegiatan kaut keuntungan melampau (profiteering).

Armizan berkata, pada tahun sama, MyCC juga menumpas-

kan kartel pengeluar roti dan manisan di Sibu yang terdiri daripada 14 syarikat kerana menetapkan harga produk itu dan jumlah penalti dikenakan ialah RM247,730.

Katanya, selain itu, MyCC juga menumpaskan kartel yang terdiri dari lima syarikat yang menjalankan perkhidmatan feri di antara Kuala Perlis dan Langkawi pada 2021.

"Perkhidmatan ini membolehkan pengangkutan produk, termasuk bahan makanan diantara ke Langkawi. Mereka dikenakan penalti kewangan sebanyak RM2.19 juta.

"Pada Disember 2023 pula, MyCC mengenakan penalti ke-

wangan RM415.5 juta terhadap lima pengeluar makanan ayam kerana terbabit dalam kartel penetapan kuantum kenaikan harga makanan ayam," katanya.

Beliau berkata, dalam memperkasakan lagi usaha memerangi kartel sektor bahan makanan, Armizan berkata, MyCC menjalankan kajian am bertujuan mengkaji struktur pasaran dan amalan perniagaan industri padi dan beras negara secara menyeluruh bagi mengenal pasti sebarang potensi isu persaingan.

"Kajian am ini juga sebahagian pendekatan *whole of nation* KPDN bagi membantu Kementerian Pertanian dan Keterjami-

nan Makanan (KPKM) untuk membentuk polisi baharu bagi industri padi dan beras negara dan dapatkan kajian ini sudah dikemukakan kepada KPBM.

"Atas arahan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), MyCC juga sedang menjalankan kajian terhadap Approved Permit (AP) dan Import Permit (IP), dalam pengimportan barang makanan iaitu bawang, daging dan kelapa.

"Pada masa ini, MyCC sedang giat menjalankan sesi libat urus bersama agensi kerajaan dan pemain industri yang berkaitan dan dapatkan kajian ini dijangka dibentangkan kepada MTEN sebelum akhir tahun ini," katanya.

Garis panduan pengoperasian CMO tambah baik proses tuntutan royalti

KPDN jangka pelaksanaan bermula April tahun depan

Oleh Farihad Shalla Mahmud
farihad@bh.com.my

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) bakal memperkenalkan garis panduan pengoperasian Badan Pengumpulan Royalti Secara Kolektif atau Collective Management Organization (CMO) pada April tahun depan.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata garis panduan itu akan memberi kuasa kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) untuk memantau pengurusan kutipan dan pengagihan royalti oleh CMO bagi meningkatkan ketelusan dan akurabiliti demi menjaga hak serta kebijakan penggiat seni.

"KPDN dan MyIPO menerima aduan daripada pelbagai pihak, termasuk penggiat seni, pemilik dan pengguna karya hak cipta muzik."

"Antaranya, dari segi tata kelainan CMO. Ada juga berkaitan dakaun bayar royalti rendah."

"Dari segi pengguna hak cipta pula menyatakan kadar tarif tinggi dan disebabkan terlalu banyak CMO menyukarkan untuk ber-



Armizan (tengah) beramah mesra dengan penggiat seni pada Majlis Sentuhan Kasih Madani KPDN di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Azizah Azmee/BH)

rusan. Pada masa ini, apa yang perlu lakukan adalah membuat penyelesaian segera mewujudkan satutgaris panduan CMO.

"Ini bertujuan memantau dan mengambil tindakan lebih tersusun sekiranya ada pelanggaran kepada garis panduan, akta dan syarat perubahan CMO.

"Kami sedang memuktamadkan keputusan dan insya-Allah, akan selesai pada Disember ini."

"Kami akan hebahikan kepada semua CMO untuk pengurusan dan berharap dapat menguatkuaskan garis panduan baharu pada April 2025," katanya kepada *HIP* ketika ditemui pada Majlis Sentuhan Kasih Madani KPDN, di ibu

negara, semalam.

Dalam pada itu, Armizan tidak menolak Akta Hak Cipta 1987 masih lemah dan perlu penambahan baik dalam menjaga kepentingan dan hak penggiat seni.

"Ada perkara yang boleh ditambah baik, namun sebenarnya ada aspek tertentu bergantung kepada artis. Contohnya, syor mewujudkan satu badan kutipan royalti tunggal.

"Penggiat industri bertegas mahu satu badan kutipan royalti tunggal dilaksanakan sebab agak sukar berurus dengan pelbagai CMO. Namun, belum ada persetujuan bersama dalam kalangan penggiat seni untuk mewujudkan satu CMO.

"Ada antara mereka lebih cenderung dengan pelbagai CMO agar boleh buat pilihan. Itulah sedang dikaji dengan melihat dari pelbagai sudut," ujarnya.

Mac lalu, KPDN akan mempertimbangkan mewujudkan badan pengumpulan royalti secara kolektif tunggal bagi mentadbir urus hak cipta dan royalti pengguna.

Ia berikutnya KPDN melihat sembilan CMO yang diisyiharkan, namun dua sudah dibatalkan dan berbaki tujuh sejak 2012.

Terima tuntangan royalti

Sementara itu, 25 ahli berda-

tar Badan Pengutip Royalti Hak Pelaku dan Persembahan Artis (PRISM) menerima tuntangan bayaran royalti, semalam.

"Majlis hari ini (semalam) dilangsungkan bersama sebahagian penggiat seni yang sebelum ini berdaftar di bawah PRISM.

"Seperi diketahui, pendaftaran PRISM sebagai badan kutipan royalti sudah dibatalkan pada 2017.

"Susulan pembatalan, ada isu tertinggal berkaitan bayaran royalti untuk penggunaan hak cipta pada 2018.

"Jumlah keseluruhan ahli PRISM adalah 495 pada 2018. Selepas pembayaran secara peringkat dilakukan, ada 164 ahli yang belum menuntut tahun lalu.

"Selepas diwujudkan satu jawatan khas oleh KPDN dan Jabatan Insolvensi untuk mengehal pasti ahli yang belum menuntut.

"Alhamdulillah, kami dapat bertemu 25 penggiat seni yang menerima tuntangan royalti, hari ini (semalam). Mereka sudah mendatangani dokumen dan bayaran royalti akan dimasukkan ke dalam akaun dalam tempoh dua minggu lagi," jelasnya.

Antara penggiat seni terima tuntangan royalti termasuklah Datuk Yusni Hamid, Datuk Nash, Datuk Francissa Peter, Liza Hanim, Yantzen, Acong Sweetchild, Ayai Ilusi, Roy, Baggio Damasutra, Zarul Umbrella, Aidil Alfian, Shah Slam, Iwan Syahman, Elyana dan ramai lagi.

MyCC tumpas kartel ais, makanan ayam

107 syarikat kena penalti RM571.5 juta

Oleh ZULKIFLI MANZOR


KUALA LUMPUR – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengenakan penalti kewangan sebanyak RM571.5 juta ke atas 107 syarikat kerana terbabit dalam kartel sejak 2015.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Ali berkata, turut dikenakan penalti ialah dua syarikat monopoli yang didapati menyalahgunakan kedudukan.

"Pada 2015, MyCC menumpaskan kartel pengeluar ais terdiri daripada 24 pemain di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya yang didapati menetapkan harga produk ais dan mengenakan RM252,250 penalti.

"Pada tahun sama, MyCC menumpaskan kartel pengeluar roti dan manisan di Sibu yang terdiri daripada 14 syarikat kerana menetapkan harga produk dan penalti dikenakan RM247,730," katanya dalam jawapan bertulis kepada Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Muhammad Ismi Mat Taib (**PN-Parit**) mengenai usaha KPDN bagi menghapuskan kartel dalam sektor bahan makanan untuk menggalakkan persaingan.



ARMIZAN menegaskan MyCc sedang menjalankan kajian dalam pengimportan bawang, daging dan kelapa.

Armizan berkata, MyCC turut menumpaskan kartel lima syarikat yang menjalankan perkhidmatan feri antara Kuala Perlis dan Langkawi pada 2021 dan penalti kewangan sebanyak RM2.19 juta dikenakan.

Katanya, pada Disember 2023, MyCC mengenakan penalti kewangan RM415.5 juta terhadap lima pengeluar makanan ayam.

"Bagi memperkasakan lagi usaha memerangi kartel sektor

bahan makanan, MyCC menjalankan kajian am bertujuan mengkaji struktur pasaran dan amalan perniagaan industri padi dan beras negara.

"MyCC juga sedang menjalankan kajian terhadap Approved Permit (AP) dan Import Permit (IP) dalam pengimportan bawang, daging dan kelapa.

"Kajian ini dijangka dibentangkan sebelum akhir tahun ini," ujarnya.



AURA
Citrana

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

MAJLIS pengiktirafan Malaysia Influential Women Entrepreneurs (MIWE) 2024 telah berlangsung dengan jayanya di Geno Hotel, Subang Jaya, Selangor baru-baru ini.

Ia merupakan pengiktirafan buat usahawan wanita yang cemerlang dalam pelbagai bidang perniagaan anjuran Majlis Tindakan Pengguna Negara (MTPN).

Majlis tersebut menonjolkan usaha memperkasa wanita dalam keusahawanan dan memberikan pengiktirafan kepada 18 usahawan wanita yang berjaya.

Timbalan Ketua Pengarah (Strategik dan Teknikal) MyIPO, Yusofie Syarmila Yusof berkata, wanita Malaysia kini menjadi tonggak penting dalam ekonomi negara dan hampir 48 peratus daripada populasi negara adalah terdiri daripada wanita.

"Mereka menyumbang dengan ketara dalam pelbagai sektor pekerjaan khususnya dalam keusahawanan yang memperlihatkan peningkatan signifikan dari segi kreativiti, inovasi dan ketekunan."

"Golongan usahawan wanita harus lebih aktif melindungi karya dan inovasi mereka menerusi pendaftaran harta intelek, seperti tanda dagangan dan reka cipta."

"Kerjasama strategik dengan agensi seperti MYIPO dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dapat membantu mendidik usahawan wanita dalam aspek perlindungan harta intelek, sekali gus memastikan hak mereka sebagai pemilik jenama dan inovasi dipertahankan," katanya.

Tambahnya, MIWE 2024 memberikan platform bagi usahawan wanita Malaysia menyerlahkan keupayaan mereka.

Sementara itu, pengurus MIWE, Nur Saimah Saimin berkata, program ini bukan sahaja satu pengiktirafan tetapi juga medan untuk usahawan wanita mengembangkan jenama, memperkuuh rangkaian dan berkongsi inspirasi serta pengetahuan antara satu sama lain.

"Sebagai Pengurus MIWE, saya

Angkat usahawan wanita sebagai pemacu ekonomi



PENGIKTIRAFAN turut diberikan kepada usahawan wanita berpengaruh dalam industri hiburan.



IFA RAZIAH merupakan salah seorang penerima anugerah MIWE 2024.

amat terharu dengan penyertaan yang menggalakkan daripada usahawan wanita dan komuniti perniagaan," katanya.

Proses pemilihan anugerah dalam MIWE merangkumi beberapa tahap yang ketat yang mana dokumen serta profil calon disaring untuk memastikan mereka memenuhi kriteria ditetapkan.

Tambahnya, sesi temu duga dan perbincangan melalui aplikasi Zoom diadakan bagi menilai latar belakang perniagaan mereka dan hanya usahawan wanita menunjukkan dedikasi luar biasa layak menerima anugerah ini.

Antara penerima anugerah

berpengaruh ialah selebriti Datuk Saripah Raziah Mustapha (Ifa Raziah) daripada Star Vendors Event Sdn. Bhd. yang menerajui acara perniagaan merentas pelbagai sektor; Fauziah Abdul Talip @ Abdul Latiff (Fauziah Latiff) daripada Broadway Acres Sdn. Bhd. yang memacu inovasi dalam industri kreatif dan Rahimah Sukor (Emma) dari Impact Music & Entertainment yang memajukan industri muzik tempatan.

Pengiktirafan yang diberikan kepada para pemenang MIWE meliputi pelbagai bidang perniagaan meliputi industri hiburan dan pendidikan hingga farmasi, undang-undang, dan kecantikan.

SINCE 2015

MyCC HIT 109 COMPANIES WITH RM571.5M IN FINES

